

14 JUN 2000
G15-Rafidah
G15 PERLU ATASI RETORIK, KATA RAFIDAH

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

KAHERAH, 14 Jun (Bernama) -- Kumpulan 15 Negara Membangun (G15) perlu mengambil kesempatan daripada sidang kemuncak ke-10 di sini untuk mengenal pasti tindakannya agar dapat memainkan peranan berkesan dalam arena antarabangsa, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Menurutnya, setelah 10 tahun, kumpulan itu tidak lagi mampu berbincang secara umum tanpa komitmen tegas untuk bertindak dalam isu-isu yang menyentuh kerjasama dan kepentingan negara-negara membangun.

"Harapan ialah supaya dalam mesyuarat G15 ini, selain pernyataan yang panjang seperti lazim dikeluarkan, ia dapat menggariskan beberapa isu utama yang akan menjadi asas tindakan susulan," katanya kepada pemberita Malaysia yang membuat liputan persidangan kemuncak G15, kali kedua dianjurkan Mesir.

Rafidah yang tiba di sini pagi ini akan bermesyuarat dengan menteri-menteri perdagangan G15 yang lain esok, sebagai persediaan bagi persidangan kemuncak itu yang bermula Isnin depan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan tiba di ibu negara Mesir ini, yang merupakan bandar raya terbesar di Afrika, pada hari Sabtu.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar pula dijadualkan tiba pada Jumaat untuk mesyuarat persediaan dengan rakan-rakan sejawatannya pada keesokannya.

G15 kini mempunyai 17 anggota sejak Kuala Lumpur mendapat penghormatan menjadi tuan rumah pertama persidangan kemuncaknya pada 1991.

Selain Malaysia dan Mesir, kumpulan itu dianggotai Algeria, Argentina, Brazil, Chile, India, Indonesia, Jamaica, Kenya, Mexico, Nigeria, Peru, Senegal, Sri Lanka, Venezuale and Zimbabwe.

Rafidah berkata mesyuarat menteri-menteri perdagangan esok akan meneliti 20 projek G15 yang sedia ada serta isu antarabangsa terutama proses perundingan Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO), kesan-kesan globalisasi dan perdagangan elektronik.

Katanya, G15 harus meneliti satu persatu isu berkaitan WTO untuk membolehkannya menetapkan pendirian bersama.

"Sebagai contoh, WTO sudah mula membincangkan mengenai tarif industri dan oleh itu G15 perlu menentukan tarif industri yang wajar diadakan sebagai pendirian bersama, begitu juga isu mengenai dasar pertandingan," katanya.

Dengan mengenal pasti isu-isu berkenaan, kumpulan itu dapat mengagihkan kerja kepada wakil masing-masing di Geneva supaya kepentingan G15 serta negara-negara membangun dapat dijaga dalam setiap isu WTO.

Mengenai globalisasi, beliau berkata kumpulan itu perlu meneliti kesannya terhadap eksport perdagangan mereka, dasar-dasar perindustrian, pembangunan teknologi serta pembangunan tenaga manusia.

Satu lagi perkara yang perlu diberikan perhatian ialah perdagangan elektronik memandangkan ia mempunyai potensi besar untuk meningkatkan hubungan kerjasama di kalangan negara-negara anggota.

Dalam hubungan ini, rangkaian berkenaan sudahpun dibentuk iaitu "Sibexlink," sebuah projek tajaan Malaysia.

Malaysia telah membelanjakan AS\$4.16 juta untuk membangunkan Sibexlink yang membolehkan sektor swasta di negara-negara anggota berurusan secara dalam talian, sebagai pelengkap kepada perdagangan biasa.

"Malangnya, sungguhpun Sibexlink boleh menjadi nadi kepada perdagangan elektronik, masih ada tujuh negara G15 yang belum menjadi anggota termasuk Mesir," kata Rafidah.

Menurutnya, beberapa cadangan juga telah dikemukakan termasuk syor Mesir supaya diadakan kerjasama pasaran modal dan cadangan Indonesia untuk

menubuhkan institusi kewangan antarabangsa G15.

--BERNAMA

azz RI